

PENGINSTITUSIAN PEDAGOGI OUD DI MALAYSIA: SATU KAJIAN AUTOETNOGRAFI TENTANG PERINTISAN, REPERTOIR, DAN TRANSFORMASI PENDIDIKAN MUZIK TRADISIONAL

Raja Zulkarnain Raja Mohd Yusof

City University of Malaysia, Cyberjaya Campus 3500, Jalan Teknokrat 3,
Cyber 4, 63000 Cyberjaya, Selangor

Corresponding Author: raja.zulkarnain@city.edu.my

Received: May 27, 2025

Accepted: October 16, 2025

Published: October 30, 2025

ABSTRAK

Artikel ini membentangkan sebuah kajian autoetnografi yang menelusuri peranan perintis penulis dalam memperkenalkan dan menginstitusikan pendidikan *oud*; yang dikenali secara tempatan sebagai *gambus* di Malaysia dan sebahagian besar rantau Nusantara secara formal dalam konteks muzik tradisional dan pendidikan tinggi. Bermula dengan latihan awal bersama seorang guru *oud* dari Iraq di London pada tahun 1999, penulis telah menerapkan pendekatan pedagogi berasaskan teknik permainan, teori *maqāmāt* (*maqām*: *singular*), dan struktur mikrotonal muzik Arab ke dalam sistem pengajian muzik di institusi seperti ASWARA dan UiTM sejurus kembali ke tanah air pada tahun 2002, serta di UPSI antara tahun 2012 hingga 2014. Selain itu, penulis turut menyumbang kepada pengayaan kurikulum melalui pengenalan repertoir klasik dan kontemporari karya komposer terkemuka seperti Riyād al-Sunbātī dan Tanburi Cemil Bey, di samping menerbitkan buku rujukan pertama dalam Bahasa Melayu khusus untuk pengajaran *oud*. Kajian ini mendapati bahawa sebelum abad ke-21, pendidikan *oud* di Malaysia tidak memiliki struktur pedagogi formal serta tiada kesinambungan dalam penguasaan teknik *maqāmāt*, *taqsīm* (*taqasīm*: *plural*), dan sistem talaan. Justeru itu, usaha yang dirakam dalam artikel ini mewakili satu sumbangan baharu dan signifikan terhadap pendokumentasian sejarah muzik negara. Dengan menggabungkan pengalaman autoetnografi, refleksi pedagogi, dan analisis konteks institusi, artikel ini menawarkan wacana baharu mengenai proses lokalisasi instrumen muzik Timur Tengah dalam landskap muzik Malaysia, sekali gus meletakkan asas akademik yang kukuh bagi perkembangan sistematik pendidikan *oud* dalam era kontemporari.

Kata Kunci: Autoetnografi, *Oud*, Pendidikan Muzik, *Maqāmāt*, Pedagogi Muzik, Transformasi Institusi

ABSTRACT

This article presents an autoethnographic study tracing the author's pioneering role in introducing and institutionalizing *oud* education, locally known as the *gambus*, in Malaysia and much of the Nusantara region, formally within the context of traditional music and higher education. Beginning with early training under an Iraqi *oud* teacher in London in 1999, the author subsequently integrated performance-based pedagogy, the theory of *maqāmāt* (*maqām*: singular), and the microtonal structures of Arabic music into music education systems at institutions such as ASWARA and UiTM upon returning to Malaysia in 2002, and later at UPSI between 2012 and 2014. In addition, the author contributed to curriculum enrichment through the introduction of classical and contemporary repertoires by renowned composers such as Riyād al-Sunbātī and Tanburi Cemil Bey, while also publishing the first Malay-language reference books dedicated to *oud* instruction. The study found that prior to the 21st century, *oud* education in Malaysia lacked formal pedagogical structure and continuity in the mastery of *maqāmāt*, *taqsīm* (*taqasīm*: plural), and tuning systems. Accordingly, the initiatives documented in this article represent a new and significant contribution to the historiography of Malaysian music. By combining autoethnographic experience, pedagogical reflection, and institutional analysis, this article offers a new discourse on the localization process of Middle Eastern musical instruments within Malaysia's musical landscape, establishing a solid academic foundation for the systematic development of *oud* education in the contemporary era.

Keywords: Autoethnography, *Oud*, Music Education, *Maqāmāt*, Music Pedagogy, Institutional Transformation

1. PENGENALAN

Dalam wacana sejarah muzik Malaysia, khususnya pada era 1980-an dan 1990-an, kehadiran alat muzik *oud* lazimnya dijelaskan melalui hipotesis arus perdana yang mengaitkannya dengan laluan perdagangan Arab melalui Jalur Sutera. Naratif ini berasaskan andaian bahawa instrumen tersebut dibawa masuk ke Alam Melayu oleh pedagang Arab dan kemudiannya diserap secara organik ke dalam tradisi gambus tempatan. Walau bagaimanapun, pendekatan ini bersifat umum dan tidak disokong oleh bukti organologi atau dokumentasi arkib yang konkrit, serta cenderung menggabungkan antara instrumen *qanbūs* Yaman yang jauh lebih kecil, berbadan cetek dan berbeza sepenuhnya dari segi struktur, dengan *ūd* Arab-Uthmani yang berleher pendek, tidak berfret, serta mempunyai badan yang lebih besar dan dalam (Raja Zulkarnain, 2013).

Kajian terkini (Raja Zulkarnain, 2025b) memperkenalkan hipotesis dua saluran (*Two-Channel Hypothesis*) yang membezakan antara dua jalur transmisi utama: pertama, saluran diaspora Hadhrami yang membawa bentuk amalan persembahan seperti zapin (*zafin*), dan kedua, saluran pertukaran budaya Uthmani yang lebih berkaitan dengan penyebaran instrumen *ūd* bersaiz besar dan tanpa fret melalui hubungan diplomatik dan pertukaran hadiah istana (Raja Zulkarnain, 2024). Dalam konteks ini, penulis menumpukan perhatian bukan kepada asal-usul alat semata-mata, tetapi kepada bagaimana pendidikan dan pedagogi *oud* mula distrukturkan secara formal di Malaysia pada abad ke-21, satu dimensi yang belum pernah dikaji secara sistematik dalam wacana muzik tradisional tempatan.

Hujah-hujah tentang kesinambungan tradisi ini kekal bersifat spekulatif kerana tidak terdapat dokumentasi yang sahih atau bukti empirik yang menunjukkan adanya sistem pengajaran *oud*

atau *gambus* secara sistematik di Malaysia sebelum abad ke-21 (Raja Zulkarnain, 2025b; Nizam, 2020). Tradisi pengajaran yang wujud lebih bersifat lisan dan berasaskan pemerhatian, tanpa struktur pengajaran yang formal berkaitan teori *maqāmāt*, *taqsīm*, atau teknik permainan instrumen yang lengkap (Mohd Nizam Attan, 2020). Kajian terdahulu oleh Mohd Anis Md Nor (1993) dan Larry Hilarian (2003) pula banyak menumpukan kepada aspek sejarah penyebaran *gambus* melalui komuniti *Hadhrami* dan Arab-Yaman di Nusantara, namun tidak menjelaskan secara mendalam tentang struktur pembelajaran atau pendekatan pedagogi di institusi pendidikan.

Menurut Mohd Nizam Attan (2020), dua tokoh utama yang sering dikaitkan dengan penyebaran awal *gambus* di Johor; Ustaz Attan Hassan dan Ustaz Abdul Kadir Awang, dipercayai memperoleh kemahiran mereka melalui pembelajaran di Singapura. Namun, bentuk pengajaran yang diamalkan kekal dalam bentuk *rote learning* dan penghafalan lagu secara turun-temurun tanpa dokumentasi sistematik. Tambahan pula, pendekatan permainan ketika itu cenderung kepada gaya pengiring dalam bentuk lagu *samrah* dan *zapin*, berbanding eksplorasi teknik solo atau *virtuoso*.

Gaya persembahan solo dan *virtuoso* dalam permainan *gambus* hanya mula berkembang di Malaysia selepas era 2000-an, khususnya apabila pengaruh daripada pemain *oud* kontemporari Timur Tengah dan Asia Barat diperkenalkan melalui rakaman, media digital, dan pendidikan formal. Dalam konteks ini, pengenalan teknik dalam *taqsīm*, sistem talaan alternatif, dan penggunaan teori *maqāmāt* secara akademik mula berkembang. Raja Zulkarnain (2013) menegaskan bahawa perkembangan gaya permainan *virtuoso* merupakan satu transformasi penting yang membawa *gambus* ke satu dimensi ekspresi muzik yang lebih tinggi, sejajar dengan gaya permainan *oud* di negara asalnya.

Makalah ini mengemukakan satu naratif alternatif melalui pendekatan autoetnografi, dengan mendokumentasikan pengalaman penulis sebagai tokoh perintis dalam memperkenalkan sistem pedagogi *oud* secara formal di institusi pengajian tinggi Malaysia bermula pada tahun 2002. Pendekatan ini tidak hanya melihat *oud* sebagai instrumen persembahan semata-mata, tetapi sebagai satu sistem pengetahuan menyeluruh yang merangkumi talaan (standard dan alternatif), teknik permainan, teori *maqāmāt*, serta bentuk persembahan solo seperti *taqsīm*; kesemuanya belum pernah diperkenalkan secara tersusun dalam sistem pendidikan muzik Malaysia sebelum ini.


2. LATAR BELAKANG DAN KONTEKS SEJARAH PENDIDIKAN OUD DI MALAYSIA

Kehadiran instrumen *oud* dalam landskap muzik tradisional Malaysia sering dikaitkan dengan tradisi *gambus*, yang dipercayai dibawa masuk menerusi jaringan perdagangan Lautan Hindi dan pengaruh budaya Arab. Namun demikian, pengajaran *oud* sebagai satu disiplin muzik formal belum pernah diberi perhatian secara sistematik dalam institusi pengajian tinggi tempatan, khususnya dari segi struktur pedagogi, silibus, dan dokumentasi repertori.

Antara tahun 1999 hingga 2001, penulis telah menjalani latihan formal dalam permainan *oud* di London di bawah bimbingan seorang guru Iraq yang menerima pendidikan rasmi di Baghdad. Latihan ini memberikan pendedahan mendalam kepada teknik permainan *oud*, sistem *maqāmāt* Arab klasik, pendekatan improvisasi *taqsīm*, serta prinsip ekspresi muzikal berdasarkan tradisi lisan dan struktur modal Timur Tengah.

Sekembalinya ke Malaysia pada awal tahun 2002, penulis mula merintis usaha memperkenalkan pendekatan pedagogi *oud* yang lebih tersusun dan berasaskan prinsip akademik formal. Inisiatif ini lahir sebagai respons terhadap kekosongan struktur dalam pendidikan muzik tempatan berkenaan instrumen *oud*, yang ketika itu masih belum mempunyai asas kurikulum atau rujukan pedagogi rasmi.

Pada tahun 2003, penulis dilantik sebagai pensyarah sambilan di dua institusi utama, iaitu Akademi Seni Kebangsaan (ASK, kini ASWARA) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Di ASK, penulis berkhidmat secara sambilan dari tahun 2003 hingga 2005, sebelum dilantik sebagai pensyarah sepenuh masa dari tahun 2005 hingga 2010. Dalam tempoh yang sama, penulis turut berkhidmat sebagai pensyarah sambilan di UiTM dari 2003 hingga 2008. Kemudian, dari tahun 2012 hingga 2014, penulis menyambung perkhidmatan sebagai pensyarah sambilan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), yang seterusnya memperkukuh kesinambungan usaha dalam membangunkan pendidikan *oud* di peringkat institusi tinggi.



Rajah 1. Garis masa penglibatan penulis di tiga institusi pengajian tinggi di Malaysia (2003–2014).

Seperti yang diperlihatkan dalam Rajah 1, tempoh penglibatan penulis di tiga institusi utama menunjukkan perkembangan berperingkat dalam pelaksanaan pedagogi *oud* di Malaysia.

Sepanjang tempoh tersebut, penulis memperkenalkan sistem pengajaran *oud* yang menyeluruh dan berteraskan kepada komponen berikut:

- i. Struktur penalaan dan teknik permainan
Memperkenalkan pelbagai sistem talaan *oud* (termasuk talaan Arab standard, talaan klasik, dan talaan alternatif), serta aplikasi teknik permainan moden seperti *arpeggio*, *tremolo*, teknik petikan *tremolo*, *triads*, *double stops* dan *carpma*.
- ii. Pemahaman *maqāmāt* dan mikrotonaliti
Pengajaran sistem *maqāmāt* secara formal merangkumi *maqām Rāst*, *Bayātī*, *Hijāz*, *Nahāwand*, dan *Ṣabā*, termasuk pemahaman terhadap nota suku nada (*quarter tones*), intonasi, dan modulasi *maqāmāt*.

- iii. *Taqsīm* dan ekspresi improvisasi:
Pengenalan kepada struktur *taqsīm* sebagai bentuk improvisasi formal, berdasarkan naratif melodi, kesinambungan modal, dan logik perkembangan *maqāmāt* dalam persembahan solo.
- iv. Repertoir tradisional dan moden
Penerapan repertoir klasik Arab, Turki dan kontemporari termasuk bentuk-bentuk seperti *samā'ī*, *longa*, *dulāb*, serta karya tokoh terkenal seperti Riyād al-Sunbāṭī, Munīr Bashīr, Naseer Shamma dan Tanburi Cemil Bey.
- v. Penggunaan notasi Barat
Pendekatan transkripsi menggunakan sistem notasi Barat sebagai alat bantu pembelajaran, memudahkan pemindahan ilmu kepada pelajar dari latar belakang pendidikan muzik Barat.
- vi. Pengenalan kepada model *oud* lanjutan
Memperkenalkan *oud* tujuh tali dan talaan khas bagi keperluan persembahan kontemporari dan aplikasi eksperimental dalam komposisi moden.

Komponen Pedagogi Oud	UITM	ASK/ASWARA	UPSI
Struktur penalaan dan teknik permainan	✓	✓	✓
Pemahaman <i>maqāmāt</i> dan mikrotonaliti	✓	✓	✓
<i>Taqsīm</i> dan ekspresi improvisasi	✓	✓	✓
Repertoir tradisional dan moden	✓	✓	✓
Penggunaan notasi Barat	✓	✓	✓
Model <i>oud</i> lanjutan		✓	

Jadual 1. *Komponen pedagogi oud yang diperkenalkan di tiga institusi pengajian tinggi utama di Malaysia (2003–2014).*

Jadual 1 menunjukkan struktur komponen pedagogi *oud* yang diperkenalkan oleh penulis di tiga institusi pengajian tinggi utama di Malaysia antara tahun 2003 hingga 2014. Matriks ini memperincikan bidang pengajaran utama, termasuk penalaan, teknik permainan, sistem *maqāmāt*, bentuk improvisasi *taqsīm*, repertoir, penggunaan notasi Barat, serta model instrumen lanjutan. Maklumat ini menekankan pendekatan sistematik yang digunakan bagi membina asas pendidikan *oud* dalam konteks akademik tempatan.

Usaha-usaha ini bukan sahaja meletakkan asas awal kepada kewujudan disiplin *oud* dalam pendidikan tinggi muzik Malaysia, malah turut membuka ruang penyelidikan baru dalam bidang performativiti, etnomuzikologi, serta pertembungan tradisi Timur Tengah dan Asia Tenggara. Melalui gabungan pendekatan praktikal dan akademik, penulis telah menyumbang

kepada pembentukan satu kerangka pedagogi *oud* yang unik dan bersesuaian dengan konteks sosio-budaya tempatan, sekali gus mengangkat martabat *oud* daripada instrumen tradisional ke aras disiplin akademik yang sah dan formal.

3. PENDEKATAN AUTOETNOGRAFI DAN METODOLOGI

Artikel ini mengaplikasikan pendekatan autoetnografi sebagai kerangka metodologi utama bagi menelusuri pengalaman penulis dalam memperkenalkan dan menginstitusikan pedagogi alat muzik *oud* dalam konteks pendidikan tinggi muzik Malaysia. Autoetnografi ialah satu bentuk penyelidikan kualitatif yang menggabungkan naratif sendiri, pemerhatian reflektif, serta kerangka sejarah dan budaya sebagai asas analisis (Ellis, Adams, & Bochner, 2011). Pendekatan ini dipilih kerana sifatnya yang sesuai untuk merakam pengalaman unik yang belum terdokumentasi secara sistematik dalam wacana akademik tempatan, khususnya berkaitan perkembangan *oud* sebagai satu disiplin tersendiri dalam pendidikan muzik formal.

Dalam konteks ini, penulis bukan sekadar bertindak sebagai penyelidik, tetapi juga sebagai subjek yang membawa masuk dan membangunkan struktur pedagogi yang bersifat asing kepada ekosistem muzik Malaysia; justeru, menjadikan autoetnografi sebagai satu pendekatan yang sah dan signifikan dari segi epistemologi dan historiografi muzik.

3.1 Kaedah dan Sumber

Pendekatan ini disokong melalui triangulasi data berikut:

- i. Dokumentasi pengalaman autoetnografi penulis sebagai pemain *oud*, tenaga pengajar, serta perintis kurikulum *oud* sejak tahun 2002, yang merangkumi aspek teknik permainan, teori *maqāmāt*, dan struktur persembahan tradisional seperti *taqsīm*.
- ii. Rekonstruksi kronologi aktiviti pengajaran dan pembangunan kurikulum *oud* di tiga institusi pengajian tinggi:
 - a. Akademi Seni Kebangsaan / ASWARA: Pensyarah separuh masa (2003–2005), kemudian sepenuh masa (2005–2010)
 - b. Universiti Teknologi MARA (UiTM): Pensyarah sambilan (2003–2008)
 - c. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI): Pensyarah sambilan (2012–2014)
- iii. Setiap institusi memperlihatkan bentuk aplikasi yang berbeza, namun menyumbang secara kolektif kepada pembentukan struktur pedagogi *oud* yang mapan dan sistematik.
- iv. Analisis kandungan dua buah buku sejarah dan pedagogi *oud* yang ditulis oleh penulis pada tahun 2013 dan 2017, masing-masing berfungsi sebagai bahan rujukan pertama dalam Bahasa Melayu yang memperincikan aspek sejarah, teori, teknik permainan, dan repertoir *oud* dalam bentuk yang boleh diajar secara formal di institusi muzik.
- v. Perbandingan dengan naratif sedia ada dalam sejarah muzik Malaysia, yang kebanyakannya merujuk kepada *gambus* atau *oud* secara umum sebagai warisan pedagang Arab melalui laluan perdagangan tanpa dokumentasi sistem pendidikan

muzik atau teknik yang menyeluruh (Larry Hilarian, 2003; Mohd Anis Md Nor, 2005). Artikel ini mempertikaikan pendekatan tersebut secara konstruktif dengan menawarkan satu naratif alternatif yang berasaskan dokumentasi langsung dan pengalaman pengajaran sebenar.

- vi. Data yang dikumpul melalui dokumentasi, refleksi pengalaman, dan analisis teks dianalisis menggunakan analisis tematik dan naratif, bagi mengenal pasti pola utama dalam perkembangan pedagogi *oud* serta makna yang dikaitkan dengan pengalaman penginstitusian di tiga institusi utama.

3.2 Sumbangan Akademik dan Nilai Tambah Kajian

Penggunaan pendekatan autoetnografi dalam konteks ini memberikan sumbangan penting dalam dua dimensi utama:

- i. Dari segi sejarah
Kajian ini mengisi jurang dokumentasi berkenaan proses formalisasi dan lokalisasi alat muzik *oud* dalam konteks pendidikan muzik tinggi di Malaysia. Ia menelusuri secara terperinci bagaimana pendekatan pedagogi *oud* diperkenalkan, disesuaikan, dan diterapkan dalam institusi pengajian tinggi, berdasarkan bukti empirik dan pengalaman langsung penulis. Dalam hal ini, kajian ini juga berperanan memperbetul atau menyemak semula naratif-naratif nostalgik atau bersifat romantik yang selama ini tidak disokong oleh data konkrit atau kajian sistematik.
- ii. Dari segi pedagogi
Kajian ini menawarkan asas metodologi dan kerangka kurikulum yang sistematik untuk pengajian *oud* (dan variasinya sebagai *gambus* dalam konteks tempatan), sekali gus menyediakan model pedagogi yang boleh dijadikan rujukan dalam pembangunan program pendidikan muzik di institusi pengajian tinggi.

Artikel ini bukan sekadar refleksi autoetnografi penulis, tetapi merupakan satu bentuk penyelidikan akademik yang berteraskan pendekatan sejarah dan pendidikan muzik, serta menyumbang secara langsung kepada pengukuhan disiplin *oud* sebagai sebahagian daripada wacana muzik institusional di Malaysia.

4. PELAKSANAAN DAN IMPAK DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Penginstitusian pedagogi *oud* di Malaysia berlaku secara berperingkat melalui penglibatan penulis sebagai tenaga pengajar di beberapa institusi pengajian tinggi utama negara. Pelantikan awal sebagai pensyarah sambilan di Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada tahun 2003, diikuti dengan penglibatan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dari tahun 2012, menandakan permulaan sistematik kepada usaha mendokumentasikan, menyusun semula, dan mentransformasikan pengajaran *oud* dalam konteks pendidikan muzik formal. Ketiga-tiga institusi ini memberikan sumbangan berbeza tetapi saling melengkapi dalam pembentukan kurikulum, pendekatan pedagogi, dan penerimaan *oud* sebagai subjek sah dalam pendidikan tinggi.

4.1 ASK / ASWARA (2003–2010): Institusi Perintis dan Pengasas Kurikulum Oud Akademik

ASK, sebagai institusi pertama yang menyerap pengajaran *oud* ke dalam silibusnya, memainkan peranan penting dalam pembentukan asas pedagogi *oud* secara akademik. ASK menawarkan persekitaran yang kondusif bagi pembangunan kurikulum berdasarkan prinsip talaan Arab (*standard tuning* dan alternatif), teori *maqāmāt*, serta teknik interpretasi dan improvisasi tradisional seperti *taqsim*. Kerangka pedagogi yang dibentuk di ASK berpaksikan gabungan antara pendekatan Arab klasik dan penyesuaian kepada konteks pelajar tempatan yang majoritinya tidak mempunyai pendedahan langsung kepada sistem muzik mikrotonal.

ASK juga menjadi tapak eksperimen awal bagi penggunaan notasi moden untuk lagu dan latihan *oud* dalam kelas, menandakan titik perubahan penting daripada transmisi lisan kepada pendekatan bertulis dalam pendidikan *oud* di Malaysia. Langkah ini memperkenalkan *oud* sebagai alat solo dengan potensi ekspresi tinggi, bertentangan dengan persepsi umum sebelum ini yang hanya melihat *gambus* sebagai alat iringan dalam muzik *ghazal* atau *zapin* (Hilarian, 2003). ASK, secara tidak langsung, telah membuka jalan bagi legitimasi akademik *oud* dalam bidang muzik tempatan.

Komponen Pengajaran	Tradisi Lisan (pra-2003)	ASK / ASWARA (2003–2010)
Talaan Arab	Standard sahaja	Standard dan pelbagai talaan alternatif
Teori Maqāmāt	Terhad kepada beberapa maqām sahaja	Kupasan menyeluruh secara teori dan praktik
Taqsim (Improvisasi)	Tidak menjadi fokus utama	Modul khusus dalam latihan interpretasi dan ekspresi
Notasi Moden	Tidak digunakan	Digunakan secara progresif untuk latihan & persembahan
Penilaian Akademik	Tidak menyeluruh	Sistem permarkahan formal dan adil

Jadual 2. Perbandingan Pendekatan Tradisi Lisan dan ASK (2003–2010) dalam Pengajaran Oud di Malaysia

Jadual 2 ini menggambarkan perbezaan utama antara pendekatan tradisi lisan dan pendekatan akademik yang diperkenalkan oleh Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dalam pengajaran *oud*. ASK memperkenalkan struktur kurikulum yang merangkumi talaan alternatif, teori *maqāmāt* yang luas, improvisasi *taqsim* sebagai elemen teras, serta sistem penilaian akademik yang tersusun; berbeza dengan pendekatan tradisi lisan yang lebih terhad dari segi kandungan dan penilaian formal.

4.2 UiTM (2003–2008): Pengukuhan Teknikal dan Kontekstual dalam Pengajian Oud dan Ensemble Timur Tengah

Di Universiti Teknologi MARA (UiTM), penulis mengasaskan pendekatan pengajaran *oud* secara formal dalam program diploma muzik melalui dua komponen utama: kursus Instrumental dan Ensembl Timur Tengah. Melalui kursus instrumental, penekanan

diberikan kepada pembinaan asas teknikal yang kukuh, termasuk kefahaman struktur *maqāmāt* utama seperti *Rāst*, *Bayātī*, *Sikāh*, dan *Hijāz*, serta teknik improvisasi formal (*taqsīm*) yang merangkumi aspek modulasi intra dan inter-*maqāmāt*. Latihan khusus dalam teknik ornamentasi Arab seperti *trill*, *carpma* dan *glissandi* turut diperkenalkan bagi memperhalusi ekspresi permainan.

Kelas ensemble pula menekankan konteks sejarah dan budaya genre-genre muzik Timur Tengah, dengan pendedahan terhadap bentuk-bentuk muzik tradisional seperti *samā'ī*, *longa*, *bashraf*, dan *dulāb*, di samping analisis repertoire penting karya tokoh seperti Sayyid Darwīsh, Muḥammad 'Abd al-Wahhāb, dan Tanburi Cemil Bey. Dalam konteks ini, pelajar bukan sahaja mempelajari aspek persembahan, tetapi juga memahami evolusi estetika dan fungsi sosial muzik Timur Tengah dalam sejarahnya yang luas.

UiTM sebagai institusi yang mengutamakan dokumentasi dan penyelidikan muzik telah memberikan ruang untuk pengajaran *oud* berkembang secara lebih struktur dan akademik. Pendekatan ini menekankan transkulturasi muzik Arab ke dalam konteks rantau Melayu, menjadikan *oud* bukan sekadar instrumen tradisi, tetapi sebagai objek kajian muzikologi yang sah dalam landskap pendidikan tinggi. Maka, pengajaran *oud* di UiTM pada era ini telah meletakkan asas yang penting bagi sistematisasi kurikulum *oud* di Malaysia.

Program	Pendekatan Pengajaran	Fokus Teknikal	Fokus Kontekstual	Impak/Pencapaian
Diploma Muzik	Kursus Instrumental dan Ensemble Muzik Timur Tengah	Teknik asas <i>oud</i> , <i>maqāmāt</i> (<i>Rāst</i> , <i>Bayātī</i> , <i>Sikāh</i> , <i>Hijāz</i>), <i>taqsīm</i> , ornamentasi Arab (<i>trill</i> , <i>carpma</i> , <i>glissandi</i>)	Sejarah dan budaya muzik Timur Tengah; genre tradisional (<i>samā'ī</i> , <i>longa</i> , <i>bashraf</i> , <i>dulāb</i>); repertoire tokoh penting	Sistematisasi kurikulum <i>oud</i> ; pengukuhan aspek teknikal dan konteks budaya muzik Timur Tengah

Jadual 3. *Pengintegrasian Pedagogi Oud di UiTM (2003–2008)*

Jadual 3 ini memaparkan integrasi pedagogi *oud* di UiTM (2003–2008) dengan penekanan kepada pendekatan pengajaran teknikal dan kontekstual, serta impak penting dalam pembangunan kurikulum dan kajian muzik tradisional di Malaysia.

4.3 UPSI (2011–2014): Integrasi Pedagogi Oud dalam Pendidikan Muzik dan Kajian Budaya

UPSI sebagai universiti berfokuskan pendidikan guru memberi peluang strategik untuk memperluas pengajaran *oud* kepada pelatih guru muzik. Penulis memperkenalkan modul yang menggabungkan aspek pedagogi muzik, analisis budaya, dan pendekatan kritikal terhadap sejarah *gambus* di Malaysia. Penekanan terhadap epistemologi dan sejarah lokal membolehkan pelajar memahami bagaimana peranan *gambus/oud* telah dimitoskan dalam naratif warisan, tanpa rujukan kepada sistem pedagogi atau dokumentasi bertulis yang sah (Mohd Anis Md Nor, 2005).

Di UPSI, *oud* mula dikaji bukan sahaja sebagai instrumen muzik, tetapi sebagai objek budaya dan bahan kajian akademik. Pendekatan ini menempatkan *oud* dalam wacana muzik Malaysia secara lebih holistik, serta mendorong pembangunan tesis,

penyelidikan, dan dokumentasi lanjutan oleh pelajar sarjana muda dan pasca siswazah dalam bidang muzik tradisional dan etnomuzikologi.

Institusi	Fokus Program/Pedagogi Oud	Pendekatan Akademik	Hasil/Impak
UPSI	Pengajaran oud kepada pelatih guru muzik	Modul integrasi pedagogi muzik, analisis budaya, pendekatan kritikal sejarah gambus	Pelajar memahami gambus/oud sebagai warisan budaya, tanpa dokumentasi bertulis formal
		Penekanan epistemologi dan sejarah tempatan	Peningkatan kefahaman sejarah tempatan dan mitos berkaitan gambus/oud
	Oud sebagai instrumen muzik dan objek budaya	Kajian akademik holistik dan penyelidikan	Pembangunan tesis dan penyelidikan dalam muzik tradisional dan etnomuzikologi

Jadual 4. *Integrasi Pedagogi Oud di UPSI (2012–2014) dalam konteks pendidikan muzik dan kajian budaya.*

Jadual 4 menunjukkan integrasi pedagogi *oud* di UPSI (2012–2014) dalam konteks pendidikan muzik dan kajian budaya, merangkumi pendekatan pengajaran, bahan kurikulum, serta impak terhadap pemahaman budaya dan seni muzik tradisional.

4.4 Kesan Langsung dan Perluasan Nasional

Kesan langsung daripada pelaksanaan ini ialah terbentuknya generasi pertama pemain *oud* Malaysia yang terlatih secara akademik, dengan penguasaan teknikal dan pemahaman teori *maqām* yang sistematik. Para graduan dari ASK, UiTM dan UPSI kemudiannya telah memainkan peranan penting dalam memperluas pengajaran *oud* ke pelbagai institusi lain, termasuk pusat kebudayaan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Yayasan Warisan Johor, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), serta pusat kebudayaan di institusi pengajian tinggi. Di samping itu, mereka turut terlibat secara aktif dalam inisiatif seni komuniti melalui penganjuran bengkel budaya, program pendidikan tidak formal, dan kolaborasi bersama NGO muzik di peringkat tempatan. Tambahan pula, dua buah buku sejarah dan pedagogi yang diterbitkan oleh penulis; *Oud: Warisan seni dari Timur Tengah* (2013) dan *Gambus: Spesifikasi dan cara bermain* (2017) telah menjadi rujukan utama dalam Bahasa Melayu untuk pengajaran *oud*, dengan struktur pelajaran yang sistematik merangkumi talaan, teknik asas, teori *maqāmāt*, repertoire klasik, dan latihan *taqīm*. Buku-buku ini merupakan sumber bertulis pertama dalam sejarah pendidikan muzik Malaysia yang memperincikan *oud* dalam format kurikulum rasmi.


Kewujudan bahan bertulis ini, digabungkan dengan rangkaian pengajaran di institusi tinggi, mencipta asas kukuh bagi perkembangan *oud* sebagai satu disiplin akademik yang sah dan berdokumen di Malaysia; mengisi kekosongan historiografi yang selama ini hanya bersandarkan naratif lisan dan bersifat nostalgik tanpa bukti empirikal (Hilarian, 2003; Mohd Anis Md Nor, 2005).

5. PENULISAN DAN DOKUMENTASI: MEWUJUDKAN WARISAN BERTULIS DALAM PENDIDIKAN OUD DI MALAYSIA

Penulisan dan dokumentasi merupakan aspek kritikal dalam memastikan kesinambungan ilmu serta perkembangan pedagogi alat muzik tradisional seperti *oud*. Dalam konteks Malaysia, usaha awal penulisan tentang *oud* secara sistematik masih belum wujud sebelum tahun 2010-an. Oleh itu, inisiatif penulis dalam mendokumentasikan teknik, teori, dan konteks budaya permainan *oud* telah meletakkan asas penting dalam menjadikan *oud* sebagai sebahagian daripada wacana akademik dan kurikulum muzik arus perdana. Usaha ini bukan sahaja memberi panduan kepada pelajar dan pendidik, malah turut berfungsi sebagai usaha pemeliharaan warisan muzik Arab di rantau ini melalui pendekatan ilmiah.

5.1 Penghasilan Buku Pedagogi Oud dalam Bahasa Melayu

Pada tahun 2013, penulis menerbitkan buku *Oud: Warisan Seni dari Timur Tengah* (Institut Terjemahan & Buku Malaysia), yang merupakan karya perintis dan buku pertama dalam bahasa Melayu yang memfokuskan kepada sejarah serta perkembangan alat muzik *oud* di Timur Tengah. Buku ini bukan sekadar pengenalan asas kepada alat muzik tersebut, tetapi turut menyentuh aspek struktur fizikal *oud* serta gaya permainan yang lazim di rantau Arab. Kandungan buku ini dirangka berdasarkan pengalaman penulis dalam pembelajaran *oud* di *Beit El Oud Al Arabi* di Kaherah, Mesir, pada tahun 2004, 2005 dan 2007. *Beit El Oud Al Arabi* merupakan sebuah institusi pendidikan muzik yang khusus menumpukan kepada pengajian dan penguasaan instrumen *oud* secara intensif. Ditubuhkan oleh pemain *oud* terkenal Iraq, Naseer Shamma, institusi ini berperanan sebagai sekolah tinggi yang menawarkan kurikulum berstruktur berasaskan tradisi muzik Arab klasik, termasuk teori *maqāmāt*, teknik improvisasi (*taqsīm*), serta pelbagai gaya permainan *oud* dari wilayah Arab yang berbeza. Pengalaman pembelajaran di institusi ini telah membentuk pendekatan penulis yang menggabungkan perspektif sejarah Timur Tengah dengan keperluan pedagogi kontemporari dalam konteks tempatan.




Gambar 1. Kulit hadapan dan belakang buku *Oud: Warisan Seni dari Timur Tengah* (2013)

Gambar 1 merupakan karya perintis pertama dalam bahasa Melayu yang memperkenalkan sejarah, struktur fizikal, dan gaya permainan *oud* berdasarkan tradisi Timur Tengah. Buku ini

menjadi rujukan penting dalam memperkukuh kefahaman serta memperluas pengajaran seni muzik *oud* di Alam Melayu.

Susulan kejayaan buku pertama, penulis menerbitkan karya kedua pada tahun 2017 berjudul *Gambus: Spesifikasi dan Cara Bermain* (Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia). Buku ini menawarkan pendekatan pedagogi yang lebih menyeluruh dan berstruktur. Ia memperkenalkan kaedah progresif dalam pengajaran teknik ornamentasi, improvisasi berdasarkan *maqām*, penggunaan suku nada (*microtonality*), serta teknik *bertaqsim*. Kandungannya direka bentuk agar sesuai dengan latar belakang pelajar muzik Malaysia yang pelbagai, sambil mengekalkan prinsip autentik sebagaimana diamalkan di Iraq, Mesir, dan Turki.



Gambar 2. Kulit hadapan dan belakang buku *Gambus: Spesifikasi dan Cara Bermain* (2017)

Gambar 2 adalah karya rujukan pertama dalam bahasa Melayu yang memperincikan aspek teknikal, spesifikasi instrumen, dan gaya permainan *gambus* secara sistematik. Buku ini merupakan antara usaha awal dalam pendokumentasian muzik tradisional berdasarkan pendekatan pedagogi moden yang disesuaikan dengan konteks pelajar di Alam Melayu.

Buku *Oud: Warisan Seni dari Timur Tengah* (2013) telah menjadi rujukan utama dalam pengajaran *oud* di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) serta digunakan secara meluas dalam bengkel-bengkel *oud* di seluruh negara. Selain berfungsi sebagai sumber akademik, karya-karya ini juga mengisi kekosongan dalam literatur Melayu berkenaan alat muzik tradisional Timur Tengah, sekaligus menjadikannya dokumen penting dalam sejarah muzik Malaysia.

5.2 Sumbangan Penulisan Akademik dan Artikel Penyelidikan

Di samping penerbitan buku, penulis turut aktif menghasilkan artikel-artikel ilmiah dan esei berkaitan *oud* dan *maqāmāt* dalam konteks Asia Tenggara. Beberapa artikel telah diterbitkan dalam jurnal muzik dan majalah budaya, yang memperincikan topik-topik seperti:

- i. Adaptasi *maqām* Arab dalam muzik Melayu kontemporari
- ii. Analisis penggunaan suku nada dalam persembahan *oud* di Malaysia
- iii. Implikasi pedagogi *maqām* terhadap kurikulum muzik tradisional di institusi pengajian tinggi

Penulisan ini bertujuan mengangkat *oud* ke dalam wacana muzik etnik dan akademik di Malaysia. Ia turut membuka ruang kepada para penyelidik tempatan untuk meneroka pengaruh budaya Arab dalam evolusi muzik tempatan, sekali gus mewujudkan jalinan antara bidang etnomusikologi, pedagogi muzik, dan sejarah kebudayaan.

5.3 Pengaruh Global dan Adaptasi Tempatan

Usaha dokumentasi dan pedagogi ini turut diperkaya dengan pengaruh wacana akademik antarabangsa, khususnya daripada negara-negara yang menjadi pusat utama tradisi *oud* seperti Iraq, Mesir dan Turki. Melalui pembacaan karya-karya tokoh seperti Naseer Shamma, Farid al-Atrash, dan Munir Bashir, penulis menyesuaikan teknik dan konsep pengajaran agar relevan dengan konteks tempatan.

Sebagai contoh, *maqāmāt* yang kompleks seperti *Bayātī-Shūrī* dan *Sabā Zamzam* diperkenalkan secara berperingkat supaya lebih mudah difahami oleh pelajar yang tidak mempunyai latar belakang bahasa atau budaya Arab. Pendekatan ini melahirkan satu bentuk pedagogi hibrid yang menggabungkan prinsip Timur Tengah dengan pedagogi muzik Barat moden, menghasilkan satu model pengajaran *oud* yang unik kepada konteks Asia Tenggara.

5.4 Platform Bengkel dan Kursus Komuniti

Penerbitan buku-buku tersebut turut disusuli dengan pelaksanaan bengkel dan kursus pendek di luar lingkungan institusi pengajian tinggi. Penulis telah menganjurkan serta dijemput untuk menyampaikan bengkel di pelbagai platform, termasuk Pusat Budaya IIUM, Kolej Komuniti, dan beberapa pusat seni serta kebudayaan tempatan.

Bengkel ini merangkumi pengenalan kepada alat muzik *oud*, teknik asas permainan, serta demonstrasi *maqām* dan *taqsim*. Dalam banyak kes, bengkel ini menjadi titik permulaan bagi para peserta untuk meneruskan pembelajaran *oud* secara formal mahupun separa formal.

Usaha ini memperluas akses terhadap pendidikan *oud*, bukan hanya di kalangan akademik tetapi juga dalam komuniti, menjadikan *oud* sebagai alat muzik yang sah, berfungsi, dan relevan dalam ekosistem pendidikan serta seni di Malaysia.

6. KESIMPULAN DAN IMPLIKASI

Pengenalan dan pemantapan alat muzik *oud* dalam ekosistem muzik Malaysia merupakan sebuah usaha pionir yang menyentuh dimensi sejarah, pendidikan, dan budaya. Sebelum penglibatan penulis secara langsung, alat muzik ini, meskipun hadir dalam bentuk *gambus* di kalangan komuniti *Hadhrami* dan tradisi Melayu; belum pernah diberi tempat dalam kurikulum formal mahupun wacana ilmiah arus perdana. Tiada sistem pedagogi *oud* dalam bahasa Melayu, tiada dokumentasi teknikal yang sah, dan tiada jalinan kukuh antara amalan *oud* klasik Timur Tengah dengan konteks pendidikan muzik Malaysia.

Kehadiran penulis dalam landskap muzik Malaysia sejak tahun 2002 telah menandakan satu titik tolak penting dalam sejarah alat ini di Alam Melayu. Melalui usaha pengajaran yang terstruktur, pembangunan bahan rujukan, dan adaptasi pedagogi antarabangsa, penulis bukan sekadar memperkenalkan *oud* sebagai alat baharu, tetapi memperkukuh fungsinya sebagai sebahagian daripada sistem muzik kebangsaan. Dengan pendekatan interdisipliner yang menggabungkan teori *maqāmāt*, praktik *taqsīm*, teknik ornamentasi, serta penguasaan suku nada (*microtonality*), *oud* telah diposisikan semula dari simbol warisan luar kepada instrumen ilmu dan ekspresi seni tempatan.

6.1 Implikasi terhadap Pendidikan Muzik di Malaysia

Pelaksanaan kurikulum *oud* di institusi pengajian tinggi seperti ASWARA, UiTM, dan UPSI telah membuka ruang kepada pendekatan yang lebih terbuka, progresif, dan inklusif dalam pendidikan muzik. Pelajar kini tidak hanya mempelajari muzik tradisional dalam kerangka Melayu semata-mata, tetapi juga diberi akses kepada pemahaman yang lebih luas tentang teori dan estetika muzik Timur Tengah. Kesan langsungnya ialah peningkatan kefahaman terhadap struktur *maqām*, interpretasi *taqsīm*, serta pembinaan kreativiti melalui improvisasi berlandaskan tradisi; aspek yang selama ini kurang ditonjolkan dalam pendidikan muzik konvensional.

Lebih daripada itu, penyerapan teknik *oud* telah memperkayakan cara pendekatan terhadap alat-alat lain dalam muzik tradisional tempatan, khususnya *gambus*, *serunai*, dan *rebab*, menerusi pengenalan kepada sistem talaan alternatif dan idiomatik improvisasi.

6.2 Implikasi terhadap Warisan Muzik dan Identiti Budaya

Pengenalan sistematik terhadap *oud* dalam konteks Malaysia mencerminkan bagaimana alat muzik asing boleh diadaptasi secara organik ke dalam budaya tempatan tanpa mengorbankan keasliannya. Melalui strategi lokaliti seperti penulisan dalam bahasa Melayu, latihan berasaskan kerangka tempatan dan pengajaran dalam pelbagai konteks komuniti; penulis telah membina asas bagi satu bentuk identiti muzik Malaysia yang lebih terbuka kepada pengaruh luar tetapi tetap berpijak pada akar budaya serantau.

Ini adalah bukti bahawa muzik adalah medan yang dinamik dan bersifat rentas budaya. Usaha ini juga menjadi titik pertemuan antara sejarah, pendidikan, dan nasionalisme budaya; memperlihatkan bahawa *oud* bukan sekadar alat muzik Arab yang digunakan di Malaysia, tetapi kini merupakan instrumen yang mencerminkan identiti kebangsaan yang inklusif dan berlapis.

6.3 Penutup

Secara keseluruhannya, pencapaian penulis dalam memperkenalkan dan membangunkan pedagogi *oud* di Malaysia menandakan satu sumbangan sejarah yang signifikan; bukan sahaja kepada dunia akademik dan seni persembahan, tetapi juga kepada warisan kebudayaan negara. Dengan gabungan antara pengajaran berstruktur, penghasilan bahan ilmiah, dan penglibatan komuniti, penulis telah membina satu model pengajaran *oud* yang pertama seumpamanya di Alam Melayu. Model ini bukan sahaja memberi asas kepada generasi pelajar dan penyelidik masa hadapan, malah turut memacu proses dekolonisasi ilmu muzik; mengangkat suara tempatan dalam landskap muzik global.

Dalam jangka panjang, sumbangan ini diharap menjadi batu asas kepada satu ekosistem muzik Malaysia yang lebih cerdas, pelbagai, dan berpandangan jauh; di mana alat muzik seperti *oud* bukan sekadar dilihat sebagai warisan luar, tetapi sebagai sebahagian daripada naratif kebangsaan yang sah dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu secara langsung mahupun tidak langsung dalam proses penyelidikan dan penulisan artikel ini. Bantuan kecerdasan buatan (AI) seperti ChatGPT dan QuillBot hanya digunakan bagi semakan silang dan pembetulan tatabahasa, tanpa mempengaruhi kandungan atau analisis akademik. Segala dapatan dan kesimpulan adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya.

RUJUKAN

- Ellis, C., Adams, T. E., & Bochner, A. P. (2011). Autoethnography: An overview. *Forum: Qualitative Social Research*, 12(1), Article 10. <https://doi.org/10.17169/fqs-12.1.1589>
- Hilarian, L. F. (2003). The gambus (lutes) of the Malay world: Its origins and significance in Zapin music. In J. S. Buenconsejo (Ed.), *A search in Asia for a new theory of music: A symposium organised by the Philippines Center for Ethnomusicology as the 7th International Conference of the Asia Pacific Society for Ethnomusicology* (pp. 455–480). Quezon City, Philippines: UP Center for Ethnomusicology.
- Hilarian, L. F. (2005). The structure and development of the gambus (Malay-lutes). *The Galpin Society Journal*, 58, 66–82.
- Md Nor, M. A. (1993). *Zapin: Folk dance of the Malay world*. Singapore & New York: Oxford University Press.
- Mohd Anis Md Nor, & Revathi Murugappan (Eds.). (2005). *Global & local: Dance in performance*. Kuala Lumpur, Malaysia: Cultural Centre, University of Malaya & Ministry of Culture, Arts and Heritage Malaysia. ISBN 978-983-2085720.
- Mohd Nizam Attan. (2020). *Kesinambungan dan perubahan tradisi muzik kumpulan gambus Nurulhilal di Johor* (Tesis PhD). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.
- Raja Zulkarnain, R. M. Y. (2024). *Gambus dalam sejarah Kesultanan Melaka*. Dewan Budaya, 8, 44–47.
- Raja Zulkarnain, R. M. Y. (2025b). *The origins of the gambus in Malaysia: Ottoman cultural exchange and Hadrami diaspora*. Malaysian Journal of Music. In press.
- Raja Zulkarnain, R. M. Y., & Attan, M. N. (2025a). From Middle Eastern oud to Gambus Johor: The instrument's presence in the Malay world. In N. M. Yasin & A. F. N. Mohd Ghazi (Eds.), *Meneroka kepelbagaian sosial dan politik Malaysia: Tradisi, cabaran dan pembaharuan* (pp. 31–44). Batu Pahat, Malaysia: UTHM Press.
- Raja Zulkarnain. (2013). *Oud: Warisan seni dari Timur Tengah*. Institute Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), Malaysia. ISBN 978-983-068-975-3.
- Raja Zulkarnain. (2017). *Gambus: Spesifikasi dan cara bermain*. Institute of Language and Literature (DBP), Malaysia. ISBN 978-983-4907259.